

27/07/2002

Pak Lah ketua BN hadapi pilihan raya (HL)

Kadir Dikoh

GENTING HIGHLANDS, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin mengetuai Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana ketika itu, kemungkinan Abdullah yang kini Timbalan Perdana Menteri, sudah menjadi Perdana Menteri serta Pengerusi BN.

"Ya, ya, mengapa tidak jika beliau (Abdullah) adalah pengerusi BN, beliau akan mengetuainya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Hotel First World di sini, petang ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai ucapan pada Konvensyen BN Johor di Johor Bharu semalam yang antara lain menasihatkan parti komponen BN supaya menerima semua keputusan berhubung pembahagian kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Pada majlis itu, Dr Mahathir berkata semua parti komponen BN perlu menerima sebarang keputusan berhubung pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, sebarang keputusan yang dibuat perlu diterima untuk kebaikan semua parti komponen kerana ia dilakukan secara adil.

Ditanya hari ini sama ada ucapannya itu petunjuk pilihan raya akan diadakan dalam tempoh terdekat, Dr Mahathir berkata:

"Saya cuma kata je, lagipun bukan saya yang nak pilih, Datuk Abdullah yang nak pilih. Bila kita adakan pilihan raya kemungkinan ialah Datuk Abdullah jadi PM dan pengerusi BN."

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kenyataan di Johor Bharu itu bukan petunjuk pilihan raya akan diadakan dalam tempoh terdekat.

"Tak ada, tak ada petunjuk. Kemungkinan ialah bila kita kaji semula kawasan, mungkin ada penambahan (kerusi). Kalau ada penambahan, siapa yang nak dapat. Itu yang saya sebut, bukan pasal pilihan raya," katanya.

Perdana Menteri yang terus ditanya sama ada pilihan raya umum akan datang diadakan selepas Oktober 2003 iaitu selepas Abdullah mengambil alih jawatan Pengerusi BN, Dr Mahathir berkata: "Nanti anda tengoklah".

Perdana Menteri dijadualkan melepaskan jawatan Perdana Menteri pada Oktober tahun depan selepas Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, media sebenarnya yang terlalu ghairah mengenai pilihan raya umum akan datang.

"Saya dapati media yang gila sangat pasal pilihan raya, baru selesai saja pilihan raya dia dah cakap pasal pilihan raya dah," katanya.

Ditanya peluang BN pada pilihan raya umum akan datang, katanya, adalah masih awal untuk bercakap mengenai perkara itu.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, BN sentiasa bersedia untuk menghadapi pilihan raya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan terus membantu BN walaupun tidak lagi memegang sebarang jawatan dalam kerajaan dan parti.

"Apa yang tak boleh, dia (Abdullah) Perdana Menteri....tidak ada masalah. Saya bantu dari luar, saya tak pegang apa-apa jawatan. Saya akan bantu," katanya.

Mengenai maksud bantuan dari luar, Dr Mahathir berkata:

"Bantuan dari luar bermakna, saya bukan lagi jadi Perdana Menteri atau pun Presiden parti. Saya berada di luar, dari luarlah saya bantu."

Perdana Menteri juga menegur media yang lebih berminat mengenai isu berkaitan pilihan raya sedangkan ucapannya pada majlis penutup Konvensyen BN Johor semalam banyak berkisar perjuangan BN.

"Saya bercakap sejam berkenaan dengan macam-macam perkara, pasal apa anda pilih yang itu. Macam-macam tentang kebaikan, macam mana BN ditubuh, sejarah, sumbangan daripada Tunku Abdul Rahman, Dato Onn, tapi anda pilih yang ini," katanya.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman bahawa pengagihan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dilakukan berdasarkan kekuatan setiap parti berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya, beliau berkata perkara itu ditentukan kemudian.